



KERAJAAN MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 8 TAHUN 2004

KEMUDAHAN PERLINDUNGAN INSURANS KESIHATAN KEPADA PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM YANG BERADA DI LUAR NEGARA ATAS URUSAN PERSENDIRIAN

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk menjelaskan syarat-syarat dan pelaksanaan kemudahan perlindungan insurans kesihatan kepada pegawai Perkhidmatan Awam yang berada di luar negara atas urusan persendirian.

LATAR BELAKANG

2. Selaras dengan hasrat mengutamakan kebajikan pegawai Perkhidmatan Awam, Kerajaan telah melaksanakan kemudahan perlindungan insurans kesihatan kepada pegawai Perkhidmatan Awam yang berada di luar negara atas urusan persendirian dengan premium insurans tersebut ditanggung oleh Kerajaan. Kemudahan ini telah dilaksanakan melalui surat edaran JPA(S)187/20 bertarikh 11 Januari 2002 dan JPA(S) 187/20 Klt.2(27) bertarikh 22 Januari 2003.

PEGAWAI YANG LAYAK

3. Pegawai yang layak adalah pegawai yang dilantik secara tetap, sementara, dan

kontrak.

PERLINDUNGAN INSURANS KESIHATAN

4. Perlindungan insurans kesihatan kepada pegawai Perkhidmatan Awam yang berada di luar negara atas urusan persendirian adalah seperti berikut:

- a. terhad kepada diri pegawai sahaja;
- b. meliputi perbelanjaan perubatan, hospital dan rawatan;
- c. had amaun perlindungan insurans kesihatan adalah seperti yang dinyatakan di dalam polisi insurans yang dikemukakan oleh syarikat penanggung insurans kesihatan; dan
- d. sekiranya kos rawatan sebenar melebihi daripada had amaun perlindungan yang ditetapkan oleh syarikat penanggung insurans kesihatan, perbezaan kos akan ditanggung oleh Kerajaan tertakluk kepada kelulusan Perbendaharaan Malaysia.

SYARAT KEMUDAHAN PERLINDUNGAN INSURANS KESIHATAN

5. Syarat mengenai kemudahan perlindungan insurans kesihatan kepada pegawai Perkhidmatan Awam yang berada di luar negara atas urusan persendirian adalah seperti berikut:

- a. pegawai perlu mendapatkan kelulusan ke luar negara daripada Ketua Jabatan dan kemudahan perlindungan insurans kesihatan dengan menggunakan borang seperti di **Lampiran 'A'**;
- b. pegawai hendaklah mendapatkan kemudahan perlindungan insurans kesihatan daripada syarikat penanggung insurans kesihatan yang dilantik oleh Kerajaan; dan

- c. lawatan persendirian yang dilindungi oleh insurans kesihatan yang ditanggung oleh Kerajaan adalah terhad kepada sekali dalam setiap tahun kalendar dan tempoh lawatan tidak melebihi 31 hari mulai tarikh bertolak dari Malaysia.

PELAKSANAAN PERLINDUNGAN INSURANS KESIHATAN

6. Kemudahan perlindungan insurans kesihatan kepada pegawai Perkhidmatan Awam yang berada di luar negara atas urusan persendirian hendaklah dilaksanakan seperti berikut:

a. Tanggungjawab Pegawai

Pegawai hendaklah:

- i. mengemukakan borang seperti di **Lampiran 'A'** kepada Ketua Jabatan tanpa perlu membuat sebarang bayaran premium;
- ii. memastikan telah menerima polisi perlindungan dan kad insurans kesihatan sebelum bertolak ke luar negara;
- iii. memaklumkan perubahan tarikh/negara atau pembatalan urusan ke luar negara kepada syarikat penanggung insurans kesihatan dan Ketua Jabatan sebelum tarikh bertolak dengan menggunakan borang di **Lampiran 'B'**; dan
- iv. menanggung sendiri bayaran premium insurans kesihatan yang dikenakan sekiranya tidak menepati mana-mana peraturan dalam Pekeliling Perkhidmatan ini.

b. Tanggungjawab Ketua Jabatan

Ketua Jabatan hendaklah:

- i. mengemukakan borang permohonan seperti di **Lampiran 'A'**

- kepada syarikat penanggung insurans kesihatan;
- ii. memastikan polisi perlindungan dan kad insurans kesihatan diterima daripada syarikat penanggung insurans kesihatan dan menyerahkan kepada pegawai sebelum bertolak ke luar negara;
 - iii. menyemak tuntutan premium insurans yang dikemukakan oleh syarikat penanggung insurans kesihatan;
 - iv. membuat bayaran mengikut kadar sebenar premium insurans yang berkaitan;
 - v. mengutip balik bayaran premium insurans yang telah dibayar daripada pegawai yang tidak menepati mana-mana peraturan dalam Pekeliling Perkhidmatan ini; dan
 - vi. mendapatkan kelulusan daripada Perbendaharaan Malaysia mengenai perbezaan kos seperti yang dinyatakan di perenggan 4 (d) Pekeliling Perkhidmatan ini dan membayar kepada pihak yang menuntut.

PELAKSANAAN PERLINDUNGAN INSURANS KESIHATAN DALAM TEMPOH PERALIHAN

7. Bagi pegawai Perkhidmatan Awam yang telah mendapatkan kemudahan perlindungan insurans kesihatan pada 25 Oktober 2004 sehingga tarikh kuat kuasa Pekeliling Perkhidmatan ini, peruntukan surat edaran JPA(S)187/20Klt.2(27) bertarikh 22 Januari 2003 adalah terpakai. Pegawai boleh membuat tuntutan bayaran balik perbelanjaan premium insurans kesihatan yang berkaitan daripada Ketua Jabatan.

SYARIKAT PENANGGUNG INSURANS YANG DILANTIK OLEH KERAJAAN

8. Kerajaan telah melantik syarikat penanggung insurans kesihatan dengan skim perlindungan seperti di **Lampiran 'C'** bagi pegawai Perkhidmatan Awam yang berada

di luar negara atas urusan persendirian.


TARIKH KUAT KUASA

9. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

PEMAKAIAN

10. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(TAN SRI JAMALUDDIN BIN HAJI AHMAD DAMANHURI)

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia.

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA

31 Disember 2004

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan